



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 26 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4.	TERKINI: PENGANJURAN MAHA 2020 KOMBINASI FIZIKAL DAN MAYA – DR. RONALD KIANDEE, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE MAHA 2020 SECARA HIBRID DARI 26 HINGGA 29 NOV, BERNAMA -ONLINE MAHA 2020 KOMBINASI FIZIKAL DAN MAYA SASAR JUALAN LEBIH RM300 JUTA, MALAYSIA GAZETTE -ONLINE KIANDEE: MALAYSIAN AGRICULTURE AND HORTICULTURE AGROTOURISM SHOW'S USE OF ONLINE TECH SET TO BE A GAME CHANGER, HEAD TOPICS -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
5.	MARITIM MALAYSIA KUALA PERLIS RAMPAS 60 BUBU NAGA, DALAM NEGERI, UM -32	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
6.	MARDI TERBIT MANUAL KAEDAH KAWAL MASALAH PADI ANGIN, ASTRO AWANI -ONLINE	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
7.	NAFAS RINGANKAN BEBAN AHLI PELADANG SELANGOR, NASIONAL, SH -5	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
8.	1,000 KG SERBUK TELUR ITIK DIRAMPAS, NEGARA, KOSMO -16	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
9. 10. 11. 12.	TIADA CADANGAN IMPORT BENIH PADI – TIMBALAN MENTERI, SELANGOR KINI -ONLINE TIADA MASALAH KILANG BERAS BEROPERASI – EXCO, DALAM NEGERI, UM -30 WAJAR AMBIL TINDAKAN TEGAS, LOKAL, HM -2 BERAS IMPORT DIRAGUI, LOKAL, HM -3	PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
13. 14. 15. 16. 17. 18. 19. 20. 21.	MUSANG KING FARMERS URGED TO FORM CO-OP, NATION/NEWS, THE SUN -5 SANGGUP TEBANG MUSANG KING, DALAM NEGERI, UM -33 9,000 BANTAH BUKA LADANG AYAM BAHARU, NASIONAL, BH -25 'MASALAH LAMA BELUM SELESAI USAH TAMBAH LAGI PENDERITAAN KAMI', LOKAL, HM -23 SEGERA HUKUM SEBAT NELAYAN ASING, DALAM NEGERI, UM -30 PEKEBUN DURIAN LANTIK PEGUAM, NEGARA, KOSMO -17 SAM SOKONG HENTI PROJEK TERNAK BABI, LOKAL, HM -23 SAM LAUDS PROPOSAL TO CLOSE PIG FARMS IN KAMPUNG SELAMAT, NEWS, THE SUN -3 MANFAATKAN TANAH TERBIAR JADI PROJEK TANI, NEGARA, KOSMO -15	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2020	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## TERKINI : Penganjuran MAHA 2020 Kombinasi Fizikal dan Maya – Dr. Ronald Kiandee



Selaras dengan pembudayaan norma baharu Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro-Pelancongan 2020 (MAHA 2020) yang bakal diadakan pada 26 November sehingga 29 November ini akan dilangsungkan secara hibrid iaitu melalui kombinasi fizikal dan maya.

Menurut Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, berikutan prosedur operasi standard (SOP) bagi membendung penularan wabak Covid-19, MAHA 2020 kali ini bakal menyaksikan hanya 10,000 sehari bagi pengunjung jempuan secara fizikal manakala pengunjung maya lebih 100,000 sehari namun potensi jualan adalah lebih RM300 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2020	BERNAMA	ONLINE	

## MAHA 2020 secara hibrid dari 26 hingga 29 Nov



SERDANG, 26 Ogos -- Mengambil kira situasi pandemik COVID-19 yang melanda negara, buat julung kalinya Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2020, akan dilaksanakan secara konsep hibrid selama empat hari bermula 26 Nov ini di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) di sini.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata konsep hibrid yang diketengahkan menggabungkan pameran secara fizikal yang melibatkan lebih 700 gerai serta pameran maya secara dalam talian.

Beliau berkata pameran maya MAHA 2020 adalah platform yang direka khusus bagi memenuhi keperluan perniagaan dalam industri pertanian

dan makanan secara dalam talian.

"Sama seperti apa yang ditawarkan oleh pameran fizikal, platform MAHA 2020 versi maya ini juga mampu untuk mengendalikan transaksi perniagaan sama ada bagi pasaran domestik mahupun luar negara," katanya dalam sidang media selepas majlis prapelancongan MAHA 2020, di sini hari ini.

Beliau berkata pelbagai aktiviti dalam talian akan diadakan seperti sesi perbincangan, padanan perniagaan, webinar, sidang video serta promosi produk pameran yang boleh dipaparkan secara langsung.

Berikutan wabak COVID-19 dan setiap aktiviti terhadap kepada prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan Majlis Keselamatan Negara, Kiandee berkata bilangan pengunjung fizikal akan dihadkan kepada 10,000 orang sehari dan hanya mereka yang berusia 18 tahun ke atas dibenarkan masuk.

"Bagi mereka yang ingin hadir pameran fizikal, dinasihatkan agar mendaftar terlebih dahulu di laman web yang akan dilancarkan hujung bulan hadapan namun sekiranya ingin walk-in, ia bergantung kepada kapasiti pada hari tersebut," katanya.

Bagi penyertaan secara maya pula, beliau berkata dianggarkan seramai 100,000 pengunjung akan menyertai pameran maya MAHA 2020 dalam tempoh empat hari tersebut.

"Walaupun kita menjangkakan keterlibatan pengunjung akan berkurang disebabkan SOP ini tetapi dari segi kualiti dan produk-produk pameran akan terus diangkat kepada produk terkini dalam industri pertanian dan agromakanan.

"Kita jangkakan daripada jualan-jualan reruai (booth), tapak-tapak pameran dan akses kepada Internet, MAHA kali ni akan menyasarkan pulangan nilai jualan RM300 juta termasuk padanan perniagaan," katanya.

Kiandee berkata MAHA 2020 menyasarkan penyertaan kumpulan peserta seperti syarikat swasta, badan korporat tempatan, kementerian, jabatan, agensi kerajaan, perusahaan kecil dan sederhana, institusi penyelidikan dan pembangunan antarabangsa dan tempatan serta institusi kewangan.

-- BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2020	MALAYSIA GAZETTE	ONLINE	

## MAHA 2020 kombinasi fizikal dan maya sasar jualan lebih RM300 juta



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee bersama timbalannya, Datuk Che Abdullah Mat Nawi bersama rakan strategik pada Majlis Pra-Pelancaran MAHA 2020 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor. foto HAZROL ZAINAL, 26 OGOS 2020.

SERDANG – Selaras dengan pembudayaan norma baharu Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro-Pelancongan 2020 (MAHA 2020) yang bakal diadakan pada 26 November sehingga 29 November ini akan dilangsungkan secara hibrid iaitu melalui kombinasi fizikal dan maya.

Menurut Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee, berikutan prosedur operasi standard (SOP) bagi membendung penularan wabak Covid-19, MAHA 2020 kali ini bakal menyaksikan hanya 10,000 sehari bagi pengunjung jemputan secara

fizikal manakala pengunjung maya lebih 100,000 sehari namun potensi jualan adalah lebih RM300 juta.

Sasaran tersebut adalah melebihi hasil jualan pada penganjuran MAHA sebelum ini iaitu RM215 juta dengan kehadiran 3.3 juta pengunjung.

"Apa yang menarik pada MAHA 2020 adalah fokus kita tidak hanya terhad kepada produk-produk hasil tani sahaja seperti MAHA-MAHA sebelum ini tetapi kita juga memberi lebih fokus kepada elemen-elemen yang mempunyai hubung kait dengan industri ini seperti perisian dan teknologi; syarikat-syarikat penanaman dan penternakan; pengedar logistik dan pelanggan; pedagang; peranti data dan analitikal serta industri lain yang berkaitan," katanya semasa sidang media selepas merasmikan pra pelancaran MAHA 2020 di sini hari ini.



Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee (dua kanan) diiringi timbalannya, Datuk Che Abdullah Mat Nawi (tengah) mendengar penerangan daripada Pengarah Sekretariat MAHA, Azman Mohd Saad (kiri) pada Majlis Pra-Pelancaran MAHA 2020 di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS), Selangor. foto HAZROL ZAINAL, 26 OGOS 2020.

Acara selama empat hari itu akan diadakan di MAEPS, Serdang manakala bagi saluran maya pula, laman web dijangka boleh mula diakses pada hujung September ini.

Bagi mengelakkan kesesakan dan ketidakpatuhan SOP, pihak penganjur meminta para pengunjung termasuk orang awam yang mahu menghadiri MAHA 2020 secara fizikal untuk membuat pra-pendaftaran

terlebih dahulu.

Hanya pengunjung yang berusia 18 tahun ke atas sahaja dibenarkan mengunjungi MAHA 2020 secara fizikal.

Bagi platform maya pula, program yang sama dengan pameran fizikal turut disediakan antaranya urusan niaga untuk pasaran domestik dan luar negara; sesi perbincangan; webinar; sidang video dan promosi produk pameran.

"Kami akan pastikan laman web tersebut tidak mengalami gangguan supaya pengunjung dapat menikmati pameran MAHA 2020 seperti biasa meskipun tidak dapat hadir ke MAEPS," katanya lagi.

Tambah Ronald, MAHA 2020 yang bertemakan Pertanian Penjana Ekonomi Negara bakal menjadi platform kepada kementerian untuk mencapai objektif yang disasarkan antaranya mempamerkan teknologi dan inovasi terbaharu dalam bidang agromakanan; menggalakkan penglibatan generasi muda menceburi bidang perniagaan tani; serta memartabatkan MAHA sebagai pameran perdagangan perniagaan terunggul dengan menarik penyertaan syarikat korporat dan pemain industri. - MalaysiaGazette

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2020	HEAD TOPICS	ONLINE	

## Kiandee: Malaysian Agriculture and Horticulture Agrotourism Show's use of online tech set to be a game changer | Malay Mail



SERDANG, Aug 26 — The Malaysian Agriculture and Horticulture Agrotourism (MAHA) Show 2020 will be a game changer in the way that the industry organises future events. According to Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr [Ronald Kiandee](#) , this year's MAHA will be a hybrid event using...

Wednesday, 26 Aug 2020 09:39 AM MYTBY R.  
LOHESWARMinister of Agriculture and Food Industry Datuk Seri Dr Ronald Kiandee answering media inquiries after officiating the Bukit Gantang Food Industry Mini Carnival 2020 in Bukit Gantang, August 9, 2020. — Bernama pic

SERDANG, Aug 26 — The Malaysian Agriculture and Horticulture Agrotourism (MAHA) Show 2020 will be a game changer in the way that the industry organises future events. According to Agriculture and Food Industry Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee, this year's MAHA will be a hybrid event using virtual technology to achieve its goals of promoting agriculture to the masses.

"MAHA needs to adjust its programme in response to the current state of affairs caused by the Covid-19 pandemic. "This year's event will be a hybrid one with a combination of physical and virtual technology being used," said Kiandee during the soft launch of the event today at the Malaysian Agro Exposition Park in Serdang (MAEPS).

The theme of this year's event is "Agriculture the Driver of Malaysian Economy". The Ministry of Agriculture and Food Industry (MAFI) is aiming to do business matching, showcase the latest technologies in agriculture, encourage youth participation in agriculture and attract corporate and industry players to participate in the event that will be held from November 26-29 at MAEPS.

"The virtual platform we've established is specifically made to fulfill the needs of businesses in the farming and food sectors." "It will be able to handle local and international transactions," Kiandee explained. "All kinds of activities like talks, webinars, video conferencing and product promotions are planned and will be shown 'live' to give the public a feel and sense that they are present physically."

There will be more than 500 exhibition halls with displays from the various ministries, government agencies and private companies, as well as seminars and conventions on agrofood and a farmers' market with 70 lots selling fresh produce. MAFI is hoping to attract 10,000 physical visitors per day and more than 100,000 virtual participants, added Kiandee.

"Based on our projections, we hope to generate more than RM300 million in sales," he said. MAHA is an annual event where new products in the agriculture industry as well as the latest technologies and methodologies are showcased. Last year's event generated RM215 million in sales and attracted 3.3 million visitors.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	32



SEBANYAK 60 unit bubu naga dirampas dalam Op Benteng Laut di perairan Kuala Perlis kelmarin.

## Maritim Malaysia Kuala Perlis rampas 60 bubu naga

**KANGAR:** Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) merampas sebanyak 60 unit bubu naga dianggarkan bernilai RM7,200 di lima lokasi iaitu sekitar jarak 0.1 hingga 1.4 batu nautika barat Kuala Sanglang di perairan Kuala Perlis, kelmarin.

Pengarah Zon Maritim Kuala Perlis, Komander Maritim Mohd. Shafie Paing berkata, rampasan berkenaan dilakukan dalam operasi Op Benteng Laut.

Kata beliau, kejayaan itu berikutan pihaknya mengesan pancang-pancang kayu dan pelampung berwarna putih

mencurigikan di permukaan air sekitar perairan berkenaan.

“Tinjauan lebih dekat mengesahkan pancang kayu dan pelampung putih itu merupakan penanda lokasi tempat bubu naga dipasang individu atau kumpulan tidak bertanggungjawab.

“Bubu naga yang dirampas dianggarkan berharga RM120 seunit,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Menurut Mohd. Shafie, penggunaan bubu naga mengakibatkan anak-anak ikan dan udang terperangkap ke dalam jaring terbabit dan akan men-

jejaskan habitat marin.

Pemilik bubu naga katanya boleh didakwa di bawah Seksyen 11(3)(c) Akta Perikanan 1985 kerana menangkap ikan dengan menggunakan kaedah yang tidak dibenarkan.

“Kesemua bubu naga tersebut dibawa ke jeti Zon Maritim Kuala Perlis dan diserahkan kepada pegawai penyiasat untuk tindakan lanjut.

“Maritim Malaysia meminta kerjasama orang ramai supaya segera melaporkan sebarang kes penyeludupan dan jenayah maritim yang berlaku di perairan negeri ini,” ujar beliau.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2020	ASTRO AWANI	ONLINE	

## MARDI terbit manual kaedah kawal masalah padi angin



*Dr Mohamad Roff berkata, masalah padi angin yang disebabkan pencemaran benih padi boleh menjejaskan hasil sehingga 70 peratus sekiranya tidak dikawal dari peringkat awal. - Facebook*

**KUALA LUMPUR:** Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) menerbitkan Manual Teknologi Kawalan Padi Angin (Edisi 2020) bagi membantu petani mengawal masalah padi angin di negara ini.

Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor berkata ini kerana masalah padi angin yang disebabkan pencemaran benih padi boleh menjejaskan hasil sehingga 70 peratus sekiranya tidak dikawal dari peringkat awal.

"Justeru, pada hari ini MARDI melancarkan Manual Teknologi Kawalan Padi Angin (Edisi 2020) yang telah diperkemas serta ditambah baik

sejajar dengan perkembangan teknologi dan masalah semasa.

"Dengan terbitan manual berkenaan ia dapat dimanfaatkan semua agensi dan jabatan di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) yang terlibat secara langsung dengan penanaman padi.

"Manual ini direka bagi memastikan prosedur operasi standard (SOP) sama dapat disampaikan kepada petani sebagai panduan untuk memastikan petak sawah mereka bebas padi angin sekali gus menyumbang ke arah peningkatan pengeluaran hasil padi negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika Majlis Perasmian Kolokium Perlindungan Tanaman MARDI 2020 dan pelancaran manual tersebut di ibu pejabat MARDI, di Serdang, semalam.

Manual 17 halaman itu mengandungi status terkini padi angin di Malaysia dan strategi kawalannya yang diperkemas dengan SOP baharu iaitu kaedah tabur terus basah atau ClearWR.

SOP itu juga dapat membantu mengurangkan populasi padi angin 30 hingga 45 peratus pada musim pertama manakala 70 hingga 85 peratus pada musim kedua mengamalkannya.

Melalui kaedah itu, semburan racun rumpai pracambah 'Pretilachlor' atau 'Oxadiazon' perlu dilakukan tujuh hari sebelum mabadai dan menabur benih padi.

Sementara itu, Timbalan Pengarah Program Pengurusan Perosak dan Penyakit Pusat Penyelidikan Padi dan Beras, Badrulhadza Amzah berkata teknologi itu boleh diaplikasikan pada semua jenis padi sebelum peringkat awal penanaman bagi mengawal populasi bank biji benih padi angin dalam tanah.

Katanya, keberkesanan teknologi itu akan diuji pada peringkat skala besar melibatkan sawah seluas 100 hektar dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Jabatan Pertanian Pulau Pinang, dan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu Pulau Pinang.

Mengenai kolokium yang diadakan hari ini, ia diadakan seiring dengan matlamat Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang telah memilih 2020 sebagai Tahun Kesihatan Tumbuhan Antarabangsa.

Usaha itu bagi meningkatkan kesedaran global tentang kesan perlindungan kesihatan tumbuhan kepada kelaparan, mengurangkan kemiskinan, melindungi alam sekitar dan meningkatkan pembangunan ekonomi sesebuah negara.

-- BERNAMA



# NAFAS ringankan beban ahli Peladang Selangor

Sumbangan berjumlah RM382,000 bukti komitmen NAFAS menyumbang kembali keuntungan kepada komuniti peladang

## SHAH ALAM

**P**ertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menyampaikan sumbangan bernilai RM382,000 kepada Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) Selangor dan 14 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) di Selangor. Majlis penyampaian sumbangan disempurnakan oleh Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah NAFAS merangkap Timbalan Ketua Setiausaha (Pembangunan) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Dr Anis Mahmud. Hadir sama, Ahli Jemaah Pengarah NAFAS merangkap Pengerusi Ahli Jemaah Pengarah Pertubuhan Peladang Negeri Selangor, Datuk Abd Rahman Bakri.

PPN Selangor menerima RM80,000; wakalah zakat perniagaan NAFAS dan RM50,000 pula sebagai geran pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan PPN. Sementara itu, sumbangan kepada 14 PPK disampaikan kepada pe-

ngerusi setiap PPK di Selangor yang menerima RM18,000 masing-masing.

Menurut Dr Anis, perincian sumbangan kepada setiap PPK tersebut melibatkan sumbangan wakalah zakat bernilai RM10,000 dan RM5,000 sebagai bantuan khas bagi meringankan beban ahli-ahli peladang yang terjejas akibat pandemik koronavirus (Covid-19).

Sumbangan RM3,000 lagi merupakan geran pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan bagi setiap PPK.

“Semoga usaha dan niat murni NAFAS melalui penganjuran majlis seumpama itu membawa kepada keberkatan pergerakan Pertubuhan Peladang serta industri pertanian secara keseluruhannya.

“Diharapkan PPK yang diamanahkan menerima sumbangan itu melakukan pengagihan kepada ahli-ahli peladang yang memerlukan bagi membantu meringankan beban dalam menjalani kehidupan sebarian,” katanya dalam ucapan pada majlis penyampaian sumbangan kepada Pertubuhan Peladang di Selangor yang berlangsung di Hotel De Palma di sini kelmarin.



Dr Anis (dua dari kiri) menyampaikan replika cek sumbangan kepada Ahli Jemaah Pengarah PPK Bernag Jaya, Rizam Ismail (tengah) serta 13 lagi wakil dari PPK di Selangor pada majlis yang berlangsung di De Palma Hotel, Shah Alam kelmarin.

Beliau juga berkata, semoga sumbangan tersebut dapat memberi galakan dan motivasi kepada semua untuk terus maju dalam kehidupan mereka serta dapat merencanakan lagi sektor pertanian dan industri makanan negara.

“Program ini dianjurkan sebagai komitmen NAFAS untuk bukan sahaja memastikan kemajuan aktiviti perniagaan

NAFAS dan gerakan Pertubuhan Peladang tetapi juga salah satu usaha NAFAS menyumbang kembali serta berkongsi keuntungan kepada komuniti peladang.

“Sumbangan NAFAS juga merupakan sebahagian daripada tanggungjawab sosial kepada lebih 900,000 ahli peladang yang berdaftar di seluruh negara,” katanya.





**PEGAWAI Maqis Pulau Pinang menunjukkan serbuk telur itik yang dirampas di Butterworth pada 19 Ogos lalu.**

# 1,000 kg serbuk telur itik dirampas

**SEBERANG PERAI** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Pulau Pinang merampas sebanyak 1,000 kilogram (kg) serbuk telur itik dalam satu pemeriksaan di Pelabuhan Dermaga Air Dalam, Butterworth di sini, 19 Ogos lalu.

Pengarah Maqis negeri, Zarina Ramli berkata, bahan makanan seberat 1,000 kilogram (kg) itu dirampas ketika pemeriksaan sebuah kontena pada pukul 11.47 malam selepas mendapati produk itu menggunakan maklumat tidak tepat dan mengelirukan.

"Kita merampas sebanyak 1,000 kg iaitu masing-masing 500 kg serbuk kuning telur dan

serbuk putih telur yang bernilai RM25,156.92.

"Produk yang dibawa masuk dari India itu disita bagi siasatan lanjut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Difahamkan, serbuk telur itik itu digunakan sebagai salah satu bahan untuk menghasilkan produk makanan seperti mayonis dan aiskrim.

Menurutnya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 13, Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

"Jika disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi dua tahun atau keduanya sekali.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2020	SELANGOR KINI	ONLINE	

## Tiada cadangan import benih padi – timbalan menteri



KUALA LUMPUR, 26 OGOS: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) tidak bercadang untuk mengimport benih padi dari luar negara kerana penghasilan daripada varieti padi tempatan adalah lebih tinggi berbanding jika menggunakan benih import.

Timbalan Menteri berkenaan Datuk Ahmad Hamzah berkata pada masa ini, Mafi telah menghasilkan beberapa padi awal matang yang boleh dituai dalam masa 110 hari dan menghasilkan sehingga tujuh hingga 10 tan padi sehektar.

"Benih-benih seperti MR253, MR220, MR303 dan MR307 menjana penghasilan yang lebih tinggi dan pembelian benih padi dari luar adalah tidak disyorkan buat masa sekarang," katanya pada sesi soal jawab persidangan Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau menjawab soalan Ahmad Tarmizi Sulaiman (PAS-Sik) yang mahukan penjelasan adakah Mafi bercadang mengimport benih padi dari negara yang lebih terkedepan dalam penghasilan padi seperti Thailand bagi menjamin simpanan beras negara.

Ahmad berkata faktor jenis tanah dan cuaca di negara lain yang berbeza dengan negara ini juga mempengaruhi jumlah penghasilan padi, justeru pengimportan benih padi dari luar bukan jaminan penghasilan yang sama seperti negara asal.

Menjawab soalan asal mengenai status penyelidikan dan pelaksanaan penanaman padi tiga kali setahun serta kesan kepada simpanan beras dan keselamatan makanan negara, Ahmad berkata pelaksanaan penanaman padi tiga kali setahun tidak digalakkan buat masa ini atas beberapa faktor.

Antaranya ialah hasil kajian dijalankan, ia tidak memberikan peningkatan hasil kepada pesawah malah kos pengeluaran meningkat, serangan penyakit yang sukar kerana penanaman di luar musim sedia ada dan bebanan kewangan kepada kerajaan kerana pemberian subsidi input dan ouput.

Buat masa ini katanya, penanaman padi negara adalah dua kali setahun di kawasan jelapang dan sekali setahun di luar jelapang dengan 40 peratus pengeluaran dari kawasan jelapang.

– BERNAMA



26/8/2020

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

30

## Tiada masalah kilang beras beroperasi - Exco

**KANGAR:** Salah sebuah kilang beras yang terletak di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco) di Kuala Sanglang di sini, sepatutnya tidak ada masalah untuk beroperasi memandangkan ia termasuk dalam industri makanan iaitu kategori perkhidmatan perlu yang dibenarkan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Asas Tani negeri, Nurulhisham Yaakob berkata, pemilik kilang tersebut perlu mengemukakan permohonan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) Perlis dan beliau percaya tidak ada masalah mendapat keizinan.

Bagaimanapun katanya, perkhidmatan tersebut harus mengikut prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan.

"Kilang ini dikira dalam industri makanan, patutnya tiada masalah beroperasi. Apa pun, kita akan meneliti masalah ini," katanya di sini.

Kelmarin, *Utusan Malaysia* melaporkan pesawah Kuala

Sanglang dan Simpang Empat runding berikutan kilang beras terletak di kawasan Temco itu, masih tidak dibenarkan beroperasi, sekali gus tidak dapat membeli hasil tuaian mereka.

Pengarah Urusan Dibuk Sdn. Bhd., Marzuki Othman dilaporkan berkata, dia sudah memohon dengan MKN Perlis sebelum ini, namun permintaannya agar kilang tersebut diberi kelonggaran beroperasi tidak diluluskan.

Kira-kira 7,000 tan metrik hasil padi akan diproses di salah sebuah kilang milik Dibuk di Kuala Sanglang dengan hasil di kawasan tersebut sudah boleh dituai ketika ini.

Sementara itu, Nurulhisham berkata, pesawah boleh membuat pilihan menjual hasil tuaian mereka di kilang lain di luar kawasan Temco sementara kilang di kawasan berkenaan kembali beroperasi.

"Ada lagi pusat belian padi di Perlis, pesawah-pesawah kawasan Temco boleh hantar hasil mereka ke sana," katanya.

### 'Macam mana nak jual padi'

Oleh MOHED HAFIZ ABD. MUTALIB

**KANGAR:** Pesawah dari Kuala Sanglang dan Simpang Empat di sini runding berikutan kilang beras di kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) Secara Pentadbiran (Temco) masih tidak dibenarkan beroperasi, sekali gus tidak dapat membeli hasil tuaian mereka.

Pesawah dari Simpang Padang, Kuala Sanglang, Jumat (21/8/20), berkata, dalam tempoh dua hari lagi padi yang ditanam di kawasan sebas hampar, sembelan hektar sudah boleh dituai.

Katarnya, lamanya setiap musim dia menjual lebih 300 tan padi di salah sebuah kilang milik Dibuk Sdn. Bhd.





## Wajar ambil tindakan tegas

**Kuala Lumpur:** Pihak berwajib di negara ini digesa mengambil tindakan tegas ke atas pihak yang mengaut untung mudah dengan membawa masuk beras dari India secara tidak sah.

Presiden Persatuan Pengguna Melayu Malaysia (PPMM), Che Hassan Che Johan berkata, tidak ada kompromi kepada mereka yang mengambil kesempatan seperti itu kerana ia bukan saja memberi kesan kepada ekonomi negara malah ada kemungkinan komoditi berkenaan boleh menjejaskan kesihatan.

Katanya, cara beras itu dibawa masuk bersama peralatan sembahyang juga mengundang persoalan dari segi aspek halal dan sebagainya kerana ia tidak mempunyai dokumen serta rekod seperti mana sepatutnya.

"Sebagai pengguna, perkara paling asas untuk kita tahu adalah

### ► INFO

*Penyeludupan beras bukan saja memberi kesan kepada ekonomi negara malah ada kemungkinan komoditi berkenaan boleh menjejaskan kesihatan.*

*Cara beras dibawa masuk bersama peralatan sembahyang mengundang persoalan dari segi aspek halal.*

sumber makanan itu. Kalau dibawa masuk secara tidak sah, kemudian dicampur dengan barangan yang meragukan, sudah tentu ia menimbulkan syak.

"Kalau digunakan di rumah ibadat saja, tidak mengapa, tetapi ia juga digunakan sebagai bahan di restoran. Soalnya kenapa tidak dibawa masuk mengikut saluran biasa, ada

rekod dan sebagainya," katanya kepada Harian Metro.

Che Hassan berkata, keadaan itu bukan saja mengundang sensitiviti rakyat negara ini malah ia juga memberikan gambaran kelemahan penguatkuasaan di pintu masuk negara.

Menurutnya, pihaknya turut menasihatkan orang ramai agar tampil memberikan maklumat kepada pihak berwajib sekiranya mendapati sesuatu yang mencurigakan.

"Kali ini beras, kita bimbang ada barangan lain pula dibawa masuk selepas ini. Apa yang perlu ialah penguatkuasaan dan pematuhan undang-undang oleh setiap rakyat Malaysia sama ada peniaga atau pun pembeli," katanya.





Oleh Yasmizal Dolah Aling  
am@hmetro.com.my

### Kuala Lumpur

**W**ujud sindiket borong beras Super Import menyeludup masuk komoditi didatangkan khas dari India untuk kegunaan rumah ibadat dan restoran yang diragui kebersihan serta status halalanya.

Kegiatan itu dikesan Bahagian Kawal Selia Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi) sejak setahun lalu selepas menerima maklumat daripada orang ramai.

Ketua Pengarahnya Azman Mahmood berkata, beras tidak sah berkenaan dibawa masuk menerusi pelabuhan utama negara dan mendapat permintaan yang tinggi di pasaran di negara ini terutama ketika musim perayaan.

Katanya, situasi itu begitu

# BERAS IMPORT DIRAGUI

*Dibawa masuk menggunakan kontena berisi peralatan sembahyang*

membimbangkan kerana tidak diketahui dari mana beras itu dihasilkan dan cara penghasilan yang meragukan.

"Kita mula menggempur beberapa premis di Klang, Sabah, Pulau Pinang dan Kelantan baru-baru ini selepas menerima maklumat daripada orang awam.

"Semua beras ini dibawa masuk menggunakan kontena yang berisi peralatan sembahyang menyebabkan kita ragu apakah ia bersih dan halal kerana tiada sebarang cap atau tanda halal pada bungkusan," katanya kepada Harian Metro.

Azman berkata, pihaknya masih lagi meneruskan siasatan dan risikan di beberapa lokasi yang sudah dikenal pasti untuk merampas semua beras tidak sah berkenaan sebelum ia disalurkan di pasaran.

Katanya, sepanjang tahun ini, sejumlah 39.17 tan metrik beras Super Import pelbagai gred dari sumber tidak sah disita dan nilai keseluruhan adalah berjumlah RM79,502. "Ini tidak termasuk kes terbaru, Ops Smuggle yang

dijalankan apabila sebanyak 4.75 tan metrik dirampas dengan nilai keseluruhan berjumlah RM28,635," katanya.

Menurutnya, selain peralatan sembahyang, sindiket berkenaan juga membawa beras berkenaan bersama rampah ratus dari India sebagai percubaan bagi mengaburi mata pihak berkuasa di pelabuhan.

"Mereka juga memasarkan beras itu secara pakej bersama peralatan rumah ibadat dan bahan-bahan mentah bagi penyediaan masakan menyebabkan peniaga tiada pilihan. "Biarpun

**"Mereka memasarkan beras secara pakej bersama peralatan rumah ibadat"**  
Azman Mahmood



Pihaknya juga mendapati, ada pemborong secara berani terlibat dalam urusan jual beli beras tanpa memiliki lesen sah dan boleh dikenakan tindakan di bawah Per3 - P.U (A) 624 Peraturan-Peraturan Kawalan Padi dan Beras (Pelesenan Pemborong dan Peruncit) 1996.

Justeru katanya, semua pemain industri sama ada pemborong atau peruncit hendaklah mendapatkan beras daripada sumber yang sah iaitu sama ada daripada pihak PadiBeras Nasional Berhad (BERNAS) atau pemborong beras berlesen yang lain.

"Sekiranya pemborong atau peruncit dipaksa membuat pembelian barangan keperluan harian atau barangan rumah ibadat yang dipakejkan bersama beras tidak sah ini hendaklah segera melaporkannya kepada pihak Kawal Selia Padi dan Beras untuk tindakan selanjutnya," katanya.

penentuan mengenai status halal memenuhi piawaian negara ini terletak dalam bidang kuasa pihak lain, kita meragui kandungan beras berkenaan kerana tiada maklumat pengeluaran diperolehi ketika siasatan," katanya.

Beliau berkata, siasatan dijalankan di bawah Seksyen 202 Akta Kawalan Padi dan Beras 1992 iaitu memiliki padi atau beras dengan cara menyalahi undang-undang.



ANTARA beras yang dirampas dalam operasi.



PENJAJAG kuasa meletakkan sebatian di premis.



## Musang King farmers urged to form co-op

**MUSANG** King durian farmers should consider forming a co-operative to ensure family-owned durian farms in Raub, Pahang, are protected. Sim Tze Tzin (PH-Bayan Baru), the former deputy agriculture and agro-based industry minister, said a cooperative would also increase the farmers' bargaining power with the state-owned Royal Pahang Durian Resources. "The purpose of a cooperative is to gather all family-owned farms (operators) under one big umbrella and increase (farmers') incomes and reduce risks collectively."





SEORANG pekebun dilarang memasuki kebun durian di Sungai Ruan, Raub, Pahang, semalam.

200 pekebun durian bantah kontrak

## Sanggup tebang Musang King

Oleh ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN  
utu.sannevs@mediamula.com.my

**RAUB:** Isu penerokaan tanah kerajaan di daerah ini sampai ke kemuncaknya apabila pekebun durian di situ membuat bantahan dan melantik peguam selepas kerajaan Pahang memberi kebenaran kepada syarikat usaha sama kerajaan negeri menguruskan tanah-tanah berkenaan yang diambil alih unit penguatkuasaan bermula 24 Ogos lalu.

Lebih 200 pekebun kecil yang membentuk jawatankuasa khas Perikatan Selamatkan Musang King (Samka) mengadakan demonstrasi aman di Sungai Ruan bagi membantah tindakan Syarikat Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn. Bhd. yang meminta mereka menandatangani kontrak.

Pengerusi Samka, Wilson Chang berkata, pekebun durian yang meneroka tanah di situ sejak 40 tahun lalu kecewa apabila diperlakukan secara tidak adil sehingga ada yang bertindak menebang pokok durian Musang King mereka.

Beliau mendakwa, para pekebun durian di situ bukan sengaja menduduki tanah secara tanpa permit. Ini kerana mereka telah lama menggunakan saluran formal memohon geran tanah ataupun permit tetapi permohonan ditolak.

"Pekebun tanpa permit ini sebenarnya telah banyak berjasa untuk menjadikan daerah Raub sebuah 'Bandar Musang King' serta menjadikan Raub

pembekal Musang King utama di seluruh dunia yang mana durian dari kawasan itu mengharumkan nama negara di pentas antarabangsa.

"Kesalahan pekebun hanya tidak mempunyai permit atau geran walaupun permohonan kerap dilakukan. Kami tidak minta simpati tetapi hanya meminta kerajaan negeri tidak berkomplot dengan syarikat swasta menghambakan pekebun durian dan menggadaikan usaha mereka selama beberapa generasi," katanya di sini semalam.

Pada 1 Ogos lalu, Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Dr. Salehuddin Ishak berkata, penerokaan tanah secara haram bagi penanaman durian menyebabkan kerajaan negeri mengalami kerugian kira-kira RM30 juta dalam tempoh 10 tahun akibat kehilangan hasil cukai tanah.

Susulan itu, Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang dalam kenyataan pada 10 Ogos lalu menyatakan kerajaan negeri akan bertegas dalam menangani isu penanaman durian haram di Raub memandangkan terdapat bukti pembungkuan tanah haram untuk tanaman durian yang terus bertambah di kawasan Sungai Ruan dan Sungai Chalit, Raub.

Menurut Samka, syarat kontrak antara syarikat usahasama kerajaan negeri itu dengan pekebun tidak adil apabila pekebun hanya dibenarkan menjual durian Musang King kepada syarikat berkenaan pada harga RM30 sekilogram yang jauh lebih rendah daripada harga purata pasaran RM45 sekilogram.

# 9,000 bantah buka ladang ayam baharu



Lalat dari ladang ternakan ayam berhampiran Sungai Benut, Kampung Datuk Ibrahim Majid mengganggu penduduk setempat.

**Simpang Renggam:** Kira-kira 9,000 penduduk di Japen perkampungan sekitar Bandar Baru Ibrahim Majid membantah sekilas-kerasnya cadangan pembinaan ladang ternakan ayam berhampiran Sungai Benut di Kampung Datuk Ibrahim Majid dekat sini.

Ketua Kampung Datuk Ibrahim Majid, Sarlan Yasmin, berkata pada masa ini mereka sudah cukup terbeban dengan gangguan lalat daripada empat ladang ternakan ayam yang ada di kawasan perkampungan itu.

Katanya, jika ditambah lagi dengan pembinaan ladang baharu itu, pihaknya yakin penduduk yang ada di kawasan perkampungan semakin terbeban bukan setakat terkesan dengan gangguan lalat, malah turut berhadapan masalah bau busuk sepanjang tahun.

"Pada anggaran kasar, kira-kira 100,000 ayam ditenak pada satu-satu masa di empat ladang ternakan ayam yang sedia ada ini dan jika ditambah lagi dengan ladang baharu ini pasti jumlahnya akan berlipat kaki ganda serta berlaku sepanjang tahun.

"Apabila ini berlaku, penduduk kampung terpaksa mengambil inisiatif lain seperti memasang jaring halus di semua pintu masuk rumah bagi menghalang ke-

masuk lalat ke dalam kediaman mereka," katanya kepada BH semalam.

Sarlan berkata, sekiranya penambahan ladang ternakan ayam yang baharu itu berlaku di kawasan perkampungan mereka, penduduk secara dasar terus disajikan dengan masalah kesihatan daripada pembawaan lalat berkenaan.

"Malah, ketika ini kami dalam proses untuk menghentikan satu daripada ladang ternakan ini kerana kedudukannya terlalu hampir dengan kawasan kediaman penduduk," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Machap, Abdul Taib Abu Bakar, berkata ada kira-kira 20 ladang ternakan ayam di dalam kawasan pentadbirannya daripada 42 ladang keseluruhan di Simpang Renggam.

Katanya, hasil daripada tinjauan pihaknya, walaupun kebanyakan ladang mematuhi syarat pengendalian yang ditetapkan, namun kehadiran lalat itu tetap tidak dapat dibendung.

"Untuk tujuan itu, saya secara dasarnya menyokong bantahan yang disuarakan oleh penduduk kampung kerana implikasinya akan berlaku secara berpanjangan khususnya membabitkan kesihatan dan kesejahteraan hidup orang ramai di sini," katanya.



## 'Masalah lama belum selesai usah tambah lagi penderitaan kami'

**Simpang Renggam:** Kira-kira 9,000 penduduk di lapan kampung sekitar Bandar Baru Ibrahīm Majid (BBIM), di sini, membantah cadangan pembinaan ladang ternakan ayam berhampiran Sungai Benut di Kampung Datuk Ibrahīm Majid.

Ketua Kampung, Datuk Ibrahīm Majid, Sarlan Yasmin berkata, ketika ini penduduk sudah cukup terkejut dengan gangguan lalat dari empat ladang ternakan ayam yang ada berdekatan kampung berkenaan.

Katanya, jika ditambah lagi dengan pembinaan ladang baharu ini, kehidupan penduduk semakin terjejas dengan gangguan lalat malah turut berhadapan masalah bau busuk.



**Masalah pasti lebih teruk jika ada ladang baharu dibina terfalu hampir dengan kediaman penduduk'**

**Sarlan Yasmin**

ganda," katanya ketika ditervi.

Menurut Sarlan, penduduk risau ancaman lalat dan bau busuk itu menjejaskan kesihatan mereka dan mengganggu kesejahteraan keluarga terutama bayi dan warga emas.

"Masalah pasti lebih teruk jika ada ladang baharu

dibina terfalu hampir dengan kediaman penduduk," katanya.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Machap, Abdul Jalil Abu Bakar berkata, terdapat kira-kira 20 ladang ternakan ayam di dalam kawasan pentadbirannya daripada 42 ladang kesetruhan di Simpang Renggam.

Katanya, hasil daripada tinjauan pibakunya, walaupun kebanyakkan ladang mematuhi syarat pengendalian yang ditetapkan namun kehadiran lalat tetap tidak dapat dibendung.

"Saya secara dasarnya menyokong bantahan yang disuarakan oleh penduduk kampung kerana implikasinya berlaku secara berpanjangan," katanya.



LALAT penuh atas kertas pelekat yang dipasang di kediaman penduduk.



# Segera hukum sebat nelayan asing

**Olsh ROSALINDA MD-SAID**  
utusanews@mediamulia.com.my

**KUALA TERENGGANU:** Cadangan pelaksanaan hukuman sebat kepada nelayan asing yang menceroboh perairan negara perlu disegerakan berikutan tindakan melampau golongan itu sejak akhir-akhir ini.

Pengerusi Persatuan Nelayan Terengganu (Penentu), Mat Yassim Mohamed berkata, hukuman sedia ada tidak cukup untuk memberi pengajaran kepada mereka

yang semakin rakus merompak hasil laut negara sehingga berani melawat penguat kuasa.

"Kira-kira 10,000 nelayan Terengganu sudah lama kecewa dengan aktiviti pencerobohan nelayan asing yang mengganggu mata pencarian kami sejak sekian lama.

"Kami berharap pelaksanaan sebatan ini dapat disegerakan supaya mereka serik dan takut dengan hukuman berat yang menanti jika terus menceroboh perairan negara," katanya kepada *Utusan*

*Malaysia* di sini semalam.

Baru-baru ini kerajaan mengumumkan akan mempertingkatkan cadangan mengenai hukuman sebat terhadap nelayan asing yang menangkap ikan di perairan negara bagi membendung masalah yang berlarutan sejak sekian lama itu.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ismail Mohamed Said bagaimanapun berkata, cadangan itu bergantung kepada perbincangan di peringkat kementerian kelak.

Sehubungan itu, Mat Yassim berharap kerajaan dapat memperhalusi cadangan tersebut termasuk kaedah bagi memastikan nelayan asing tidak mengancam keselamatan nelayan tempatan sekiranya hukuman sebat dikuatkuasakan.

Katanya, setakat ini Penentu tidak menerima laporan nelayan tempatan diancam nelayan asing walaupun mungkin ada kes-kes terpencil mereka bersikap kurang ajar terhadap warga Malaysia.



**MAT YASSIM MOHAMED**

## Pekebun durian lantik peguam

**RAUB** – Sekumpulan pekebun durian yang diancam pengusiran akan melantik peguam bagi menghalang syarikat Royal Pahang Durian Resources PKPP Sdn. Bhd. menguruskan tanah kebun durian di Sungai Ruan dan Sungai Chalit, Raub semalam.

Perikatan Selamatkan Musang King (Samka) yang mewakili lebih 200 pekebun durian itu membantah tindakan mengambil alih oleh Unit Penguatkuasaan Kerajaan Pahang kelmarin.

Pengerusi Samka, Wilson Chang berkata, kira-kira 800 pekebun durian yang telah meneroka tanah sejak 40 tahun lalu berasa amat kecewa apabila diperlakukan secara tidak adil walaupun mereka meneroka tanah kebun tanpa permit selama itu.

"Bukan sengaja usahakan tanah secara tanpa permit, mereka telah lama menggunakan saluran formal untuk mohon geran tanah ataupun permit tetapi permohonan mereka ditolak.

"Sebenarnya 'pekebun tan-

pa permit' ini telah berjasa untuk menjadikan Raub sebuah Bandar Musang King serta menjadikan Raub pembekal Musang King utama di seluruh dunia," jelasnya semalam.

Wilson mendakwa, syarat yang dikenakan oleh syarikat swasta dengan pekebun adalah tidak adil.

Dakwanya, syarikat itu mahu membeli durian dengan harga RM30 sekilogram sahaja berbanding harga pasaran purata RM45 sekilogram.

Isu pekebun durian di Raub timbul susulan Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Pahang dalam satu kenyataan pada 10 Ogos lalu menyatakan kerajaan negeri akan bertegas dalam menangani isu penanaman durian haram di Raub yang semakin menjadi-jadi.

Kerajaan negeri dalam kenyataan itu menyatakan pihak berkuasa ada bukti bahawa pembukaan tanah haram tanaman durian itu semakin bertambah di kawasan Sungai Ruan dan Sungai Chalit, Raub dan masalah itu tidak boleh dibiarkan.



**PEKEBUN** durian yang tidak dibenarkan memasuki kawasan kebun durian berkumpul di tepi jalan di Sungai Ruan di Raub Pahang semalam.



## Sam sokong henti projek ternak babi

**Georgetown:** Sahabat Alam Malaysia (Sam) menyokong cadangan Kementerian Alam Sekitar dan Air (Kasa) untuk menghentikan sementara operasi penternakan babi di Kampung Selamat, Tasek Gelugor jika penternak gagal melaksanakan sistem sifar pelepasan (*zero discharged*).

Presidennya, Menakshi Raman (*gambar*) berkata, langkah itu adalah kaedah terbaik bagi menyelesaikan isu pencemaran tidak berkesudahan hingga menjejaskan kesejahteraan penduduk sekitar dalam tempoh empat dekad.

Katanya, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan jabatan berkaitan juga perlu menyokong tindakan tegas dicadangkan oleh Kasa terhadap penternak haiwan berkenaan hingga mereka patuh pada undang-undang.

"Isu pencemaran (sungai) ini tidak boleh dipandang ringan lanjutan daripada kesan negatif berpanjangan.

"Malah, kesan buruk bukan sahaja terhadap tahap kesihatan serta kesejahteraan manusia bahkan ter-

hadap kualiti tanah, udara dan air.

"Penguatkuasaan tegas perlu diambil bagi melindungi alam sekitar apabila jika pencemaran ini tidak dibendung akan menjejaskan reputasi Pulau Pinang yang memperjuangkan slogan *Cleaner, Greener Penang*," kata-

nya dalam kenyataannya, di sini, semalam.

Ahad lalu, Setiausaha Politik kepada Menteri

Alam Sekitar dan Air, Dr Mohd

Zuhdi Marzuki yang mengadakan tinjauan bagi melihat pencemaran di Sungai Kereh, Kampung Tok Bedu akan mengusulkan cadangan penghentian operasi sementara kerana tidak sanggup melihat penderitaan penduduk di kawasan itu.

Media yang turut membuat tinjauan di sungai berkenaan mendapati pencemaran bau yang berlaku sangat teruk hingga berasa loya dan mahu pitam.

Difahamkan, kira-kira 1,000 penduduk di beberapa kampung di situ terjejas, sudah lali setiap kali mengajukan permasalahan kepada pihak berkaitan.



## SAM lauds proposal to close pig farms in Kampung Selamat

**GEORGE TOWN:** Environmental group Sahabat Alam Malaysia (SAM) has expressed support for a government proposal to temporarily close all pig farms in Kampung Selamat, Tasek Gelugor.

SAM president Meenakshi Raman said the local authorities and the relevant departments should support the stringent action proposed by the Environment and Water Ministry.

"We must ensure that pig farm operators are committed to implementing the zero-discharge system to stop dumping hog waste directly into rivers," she said.

"This is the best way forward in the effort to solve this endless environmental pollution problem that has affected the residents here as well as people in the surrounding areas for the past four decades," she added.

Meenakshi said the pollution of Sungai Kreh as a result of pig farm activities has not only affected the health and well-being of the people but also the quality of the water, air and soil.

Unless strict enforcement actions are taken, she said, the pollution would also undermine

Penang's efforts towards becoming a cleaner, greener and healthier state.

"Therefore, the actions by the ministry are very much needed and we support the proposal to temporarily stop the operations of the pig farms in Kampung Selamat for the sake of environmental protection and the well-being of the people," she added.

On Aug 23, the ministry proposed that all pig farms in Kampung Selamat be closed until an alternative pig waste disposal method is found. - Bernama



# Manfaatkan tanah terbiar jadi projek tani

Oleh MOHD. AZLI ADLAN


**SETU** – Kerajaan negeri Terengganu berhasrat memanfaatkan tanah-tanah terbiar di negeri ini untuk diusahakan dengan projek pertanian secara komersial.

Timbalan Pengerusi Jawatan kuasa Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Hilmi Harun berkata, sehingga kini kerajaan negeri telah mengenal pasti kira-kira 8,000 hektar tanah terbiar di seluruh negeri ini.

"Jawatankuasa khas telah ditubuhkan untuk mengenal pasti tanah-tanah berkenaan yang antara lain terbiar kerana pemiliknya sudah lama meninggal dunia dan tidak dituntut.

"Status tanah terbiar itu sedang diperiksa dan jika boleh (dari segi undang-undang) akan diguna pakai untuk aktiviti pertanian seperti penanaman tembikai dan labu," katanya kepada pemberita di sini semalam.

Terdahulu beliau ditemui selepas menyaksikan majlis nandatangani perjanjian Jual Beli Ladang Kontrak antara 59 pengusaha tembikai dan labu dengan Lembaga Pemasaran Pertanian



**HILMI** (dua dari kiri) bertukar dokumen perjanjian dengan Fauzi (kanan) di Gong Tengah, Kampung Beris Tokku, Setiu semalam.

Persekutuan (FAMA) Terengganu di Gong Tengah, Kampung Beris Tokku dekat sini semalam.

Turut hadir Pengarah FAMA Terengganu, Fauzi Mohamed dan Pegawai FAMA Setiu, Abd. Ghani Zainal.

Selain itu, Hilmi berkata, sebanyak 856 metrik tan tembikai dan 46 metrik tan labu yang diusahakan peladang Gong Tengah akan dipasarkan FAMA Terengganu melibatkan urusan niaga bernilai RM717,000.

Beliau berkata, kedua-dua tanaman berkenaan yang diusahakan di tanah seluas 51.6 hektar terbabit dijangka dapat mula dituai dalam tempoh tiga minggu lagi.

"Begitu pun, pengeluaran tembikai dan labu di seluruh negeri ini masih belum memenuhi walaupun permintaan setempat hingga terpaksa diimport dari negeri lain dan luar negara," katanya.